


AKU AKAN MEMBINA JEMAAT-KU...

(MATIUS 16:18)



NECF 40-Hari Puasa & Doa • 7hb Ogos - 15hb Sept 2014





AKU AKAN MEMBINA JEMAAT-KU...

(MATIUS 16:18)


40-Hari Puasa & Doa 2014
(7hb Ogos - 15hb September)

PENGHARGAAN

Kami merakam seribu penghargaan dan terima kasih kepada kawan-kawan dan pastor-pastor berikut atas sumbangan renungan mereka dalam buku doa ini:

Bro Josh Yeoh, Sis Carolyn R. Boin, Bro Wong Young Soon, Sis Joyce Thong,
Rev Dr Phillips Koh, Pr Karen Tan, Pr Dr Chan Ah Kee, Rev Loh Soon Choy,
Rev Voon Yuen Woh, Pr Dr Paul Chen, and Rev Dr Lim Yeu Chuen

Sekalung penghargaan dan terima kasih khas untuk penyunting kami,
Sis Debbie Loh, atas kesetiaannya dalam pelayanan Tuhan.



ISI KANDUNGAN

KATA PENGANTAR	M6
OGOS 7 – 10 GEREJA-KU – PENGANTIN PEREMPUAN	M7
OGOS 11 – 17 BERTUMBUH DALAM KEINTIMAN DENGAN KRISTUS	M11
OGOS 18 – 24 GEREJA MELALUI PENCUBAAN DAN PENDERITAAN	M18
OGOS 25 – 31 KESATUAN DALAM TUBUH KRISTUS	M25
SEP 1 – 7 GEREJA DALAM MEMURIDKAN BANGSA-BANGSA	M32
SEP 8 – 14 GEREJA DAN INJIL KERAJAAN TUHAN	M39
SEP 15 MENGIMPAK NEGARA DAN MEMBINA NEGARA	M46

AKU AKAN MEMBINA JEMAAT-KU

**Kata Pengantar oleh Eugene Yapp
Setiausaha Agung, NECF Malaysia**

Tema buku 40-Hari Puasa dan Doa tahun ini adalah “Aku Akan Mendirikan JemaatKu” (Matius 16:18). Ini adalah edisi ke-14 dan kami bersyukur kepada Tuhan kerana dapat meneruskan inisiatif doa ini.

Banyak doa perlu dipergiatkan kerana Negara menghadapi pelbagai cabaran. Usaha bersepada dalam doa menunjukkan sebuah gereja yang merendahkan diri dan mangakui bahawa kita perlu sejarar dan patuh kepada kehendak Tuhan di dalam apa jua yang kita lakukan. Kita berdoa tetapi Tuhan yang akan membawa perubahan dan kebaikan yang abadi kepada Negara dan masyarakat.

Sementara kita meminta Tuhan campur tangan dalam hal Negara, mendirikan jemaat Kristus juga adalah sangat penting. Kedua-dua hal ini perlu seiring. Berdoa untuk Negara memerlukan doa dengan maklumat yang tepat. Doa yang setia memerlukan pengikut Kristus yang setia. Berdoa di tengah kesukaran menunjukkan kekuatan gereja. Berdoa dengan kepekaan memerlukan kesungguhan kita kepada Roh Tuhan.

Apakah yang diperlukan oleh jemaat untuk terus bersikap sedemikian. Mustahak sekali adalah kita memerlukan satu jemaat kebangsaan yang kuat. Ini bermakna jemaat-jemaat diper lengkap dan anggota-anggotanya dimuridkan agar kerohanian yang benar diterapkan di dalam diri mereka. Dengan itu kesaksian kita penuh bertenaga dan menyeluruh untuk mengimpak masyarakat dan Negara.

Di antara topik yang penting di dalam buku ini adalah kesatuan dalam tubuh Kristus. Ketika Negara sedang menghadapi banyak cabaran, kita memerlukan kesatuan dalam tubuh Kristus lebih daripada sebelum ini. Melalui kesatuan seperti inilah jemaat terus tetap teguh dalam percubaan dan penderitaan dan mula mengimpak Negara. Apabila kita mulai mengimpak Negara, barulah jemaat boleh memuridkan bangsa dengan kebenaran dan keadilan daripada Tuhan kita seperti diwahyukan dalam Injil Yesus Kristus Tuhan kita.

Kami percaya bahawa tema dan topic-topik buku ini akan mendorong kita supaya lebih bertekad dan tetap dalam doa. Mustahak sekali, kita berdoa agar buku ini dapat menolong memupuk satu kerohanian yang diperlukan untuk mengubah diri sendiri dan hidup sebagai agen terang dan berkat untuk kerajaan Tuhan di dalam komuniti, masyarakat dan Negara kita.

Tuhan memberkati Gereja dan Malaysia!



Hari 1 • 7 Ogos (Khamis)

Minggu 1: Gereja-Ku - Pengantin Perempuan

YESUS HARUS MAKIN BESAR; AKU HARUS MAKIN KECIL

Perjanjian Baru menggunakan beberapa jenis bahasa kiasan untuk menghuraikan gereja. Salah satu kiasan yang digemari rasul Paulus adalah gereja merupakan “tubuh Kristus” (1 Kor 12). Yohanes Pembaptis melihat pengikut-pengikut Yesus (gereja) sebagai “pengantin perempuan Kristus”, secara kiasan merujuk dirinya sebagai “kawan kepada pengantin lelaki” dan memanggil Yesus sebagai “pengantin lelaki” (Yohanes 3).

Sebagai seorang kawan pengantin lelaki atau sebagai seorang “pengapit pengantin lelaki” dalam konteks perkahwinan hari ini, Yohanes Pembaptis mahu supaya perhatian terarah kepada Yesus. Yohanes tidak terganggu dengan peningkatan popularity Yesus (Yohanes 3:26). Sebaliknya, Yohanes sangat bersukacita kerana orang ramai tertarik datang kepada Yesus kerana “pengantin perempuan benar-benar kepunyaan pengantin lelaki” (Yohanes 3:29). Di dalam bukunya, J. Oswald Sanders menamakan Yohanes Pembaptis sebagai pengkhutbah di mana pada akhirnya semua jemaatnya adalah milik Yesus! Sebagai pengantin Kristus, bolehkah kita bersukacita apabila Tuhan memberkati jemaat lain lebih daripada jemaat kita?

Keutamaan bagi Yohanes Pembaptis adalah meninggikan Yesus lebih daripada dirinya. Yohanes mengungkapkan kata-kata yang tidak dapat dilupakan dalam Yohanes 3:30 – “Dia harus makin besar; aku harus makin kecil”. Kerana kerendahan hati Yohanes tidak hairanlah Yesus memberi pujian tertinggi kepadanya sebagai insan yang paling besar dalam kerajaan Tuhan (Mat 11:11). Oleh itu, pengantin perempuan Kristus di Malaysia juga harus mencontohi kerendahan hati Yohanes dengan mengarahkan perhatian kita kepada Yesus sepanjang masa. Adakah kita mahu Yesus yang bersinar terang atau diri kita?



Bahan Doa:

1. Doakan untuk keghairahan pertumbuhan untuk gereja-gereja di Malaysia dan seluruh dunia.
2. Doakan untuk kerjasama erat antara gereja-gereja untuk memperkuatkan Kerajaan Tuhan di bumi ini.
3. Doakan supaya kita berpegang kepada Yohanes 3:30 secara peribadi, menjadikannya sebagai matlamat hidup untuk setiap pengikut Kristus.





KESATUAN DAN PERHUBUNGAN DENGAN KRISTUS

Efesus 5 menggambarkan gereja sebagai “pengantin perempuan Kristus” dan menekankan pengorbanan kasih Yesus untuk pengantin perempuan-Nya. Paulus pula merujuk kepada perhubungan di antara Yesus dan gereja seperti konsep “satu daging” dalam perkahwinan manusia (ayat 31-32). Analogi perkahwinan dari dunia insan adalah untuk menggambarkan kesatuan yang intim di antara Yesus dengan gereja dalam erti rohani.

Paulus mengatakan bahawa perhubungan yang rapat di antara Yesus dan gereja adalah satu misteri yang melebihi segala pengetahuan manusia (ayat 32). Akan tetapi, misteri ini tidak membatalkan kenyataan yang ada. Atau pun ia tidak sepatutnya menghalang umat-umat Tuhan daripada memasuki ke dalam kesatuan rohani dan perhubungan yang paling intim dengan Yesus.

Dalam perjalananannya ke Damsyik, Paulus sendiri mendapat satu gambaran yang singkat tentang kesatuan yang bermisteri di antara Yesus dengan pengikut-pengikutNya. Dalam Kisah Para Rasul 9:4, bila Yesus yang telah bangkit dari kematian muncul kepada Paulus dan mengatakan, “Saulus, Saulus, mengapa engkau menganiaya Aku?” Penglihatan ini memberi Paulus satu kesedaran yang lebih mendalam tentang kesatuan rohani yang tidak terkata di antara Yesus dengan pengikut-pengikut-Nya.

Sementara, “pengantin perempuan” sudah mengalami misteri ini, malah kesatuan dan perhubungan intim dengan Kristus di bumi, pengenapan kerohanian intim ini masih belum digenapi bagi gereja. Ini hanya akan mencapai puncaknya dalam Perjamuan Kahwin Anak Domba di syurga (Wah 19:7). Harapan masa depan ini harus membangkitkan satu sukacita yang tidak terhingga kegembiraannya untuk “pengantin perempuan” Kristus.



Bahan Doa:

1. Puji dan syukur atas pengorbanan kasih Yesus untuk pengantin-Nya.
2. Doakan untuk usaha yang bersepadu untuk memupuk kesatuan rohani dan perhubungan intim dengan Yesus secara peribadi.
3. Doakan agar sukacita yang berterusan terhadap keintiman rohani dengan Tuhan yang akan disempurnakan di syurga.





KESEDIAAN PENGANTIN PEREMPUAN UNTUK KEDATANGAN-NYA YANG KEDUA

Bberapa orang pengajar Alkitab mengatakan perumpamaan sepuluh gadis bukanlah teks yang sesuai untuk mengatakan bahawa gereja adalah pengantin perempuan Kristus (Mat 25). Alasan adalah Yesus tidak boleh mempunyai sepuluh pengantin perempuan! Pentafsiran salah ini timbul apabila seseorang itu gagal memahami bahawa sesuatu kiasan hanyalah mewakili kebenaran rohani tetapi bukan kenyataan itu sendiri. Walau apa pun, sepuluh gadis itu bukanlah pengantin perempuan, tetapi merupakan satu rombongan perarakan perkahwinan yang sedang menunggu pengantin lelaki pergi ke jamuan perkahwinan tersebut.

Namun demikian, dengan menggunakan keserupaan “pengantin lelaki” dalam perumpamaan ini, Yesus melihat gereja di bumi sebagai pengantin perempuan rohani-Nya. Untuk mengingatkan “pengantin perempuan-Nya” betapa pentingnya untuk bersiap sedia untuk kedatangan-Nya yang kedua, Yesus menggunakan cerita mengenai rombongan perarakan perkahwinan ini untuk menyampaikan mesej ini. Oleh itu, lima gadis itu dianggap bijak kerana mereka membuat persiapan untuk ketibaan mengejut pengantin lelaki, manakala lima yang lain bodoh kerana gagal dalam persediaan.

Walaupun ketibaan pengantin lelaki tertangguh dalam perumpamaan ini, ia bukanlah alasan bahawa kurangnya persiapan kedatangan pengantin lelaki. Kelewatan ini juga bukan alasan untuk pengantin perempuan Kristus untuk mula bersikap angkuh. Selain itu, gereja kelihatan sedang tidur dan tidak aktif bekerja dalam kerajaan Tuhan. Gereja sepatutnya bersiap sedia sepenuhnya untuk kedatangan Tuhan yang pasti akan terjadi di bumi ini untuk mengelakkan kelesuan rohani tersebut.



Bahan Doa:

1. Doakan supaya pengantin perempuan Kristus membuat persiapan awal untuk kepulangan pengantin lelaki syurgawi.
2. Doa agar umat-umat Tuhan hidup suci dan tidak tercela di dalam dunia ini (2 Ptr 3:14).
3. Doa supaya gereja mengutamakan penginjilan dan misi kerana kedatangan-Nya yang kedua hampir akan terjadi.





KESETIAAN YANG TULIN KEPADA KRISTUS

Satu kiasan yang melambangkan gereja sebagai pengantin perempuan Kristus ada jelas dinyatakan di 2 Kor 11:2. Di sini, Paulus menyatakan kecemburuannya yang suci terhadap pengikut-pengikut di Korintus kerana dia telah menunangkan mereka secara rohani kepada Yesus, Suami mereka.

Sebagai pengantin perempuan, gereja Korintus sepatutnya menunjukkan ketiaatan yang ikhlas dan sejati kepada suami rohani mereka (ayat 3). Satu gambaran akan digunakan untuk menerangkan maksud perenggan pertama. Dalam Matius 1, apabila Yusuf, seorang benar, mendapati tunangnya, Maria telah hamil sebelum dia bersama dengan Maria. Yusuf pasti rasa sangat kecewa dan tertekan. Dia berfikir untuk menceraikan Maria, isterinya yang sah, supaya Maria dapat melepaskan diri daripada dilemparkan batu hingga mati. Selama ini Yusuf menjangka Maria adalah seorang yang suci dan setia kepada dia sebelum perhubungan mereka disempurnakan dalam perkahwinan. Akhirnya, situasi ini memerlukan campur tangan malaikat untuk meyakinkan Yusuf bahawa kandungan Maria adalah melalui pekerjaan luar biasa Roh Kudus (Mat 1:20).

Jika Yusuf hancur hati kerana beranggapan bahawa Maria tidak setia apatah lagi bagi Yesus yang menanggung kesakitan dan penderitaan yang berat apabila melihat pengantin perempuan rohani-Nya, iaitu gereja, tidak setia. Pada hal, bukankah Yesus telah diseksa dan mati di atas kayu salib untuk menebus pengantin perempuan untuk Diri-Nya?



Bahan Doa:

1. Doa untuk kesetiaan kepada Tuhan Yesus oleh pengantin perempuan Kristus walaupun dalam masa penganiayaan.
2. Doa untuk merenungi betapa mahalnya apa yang dibayar oleh Yesus di kayu salib untuk menebus pengantin perempuan rohani-Nya.
3. Doa untuk satu kerinduan mencari Kerajaan Allah dan kebenaran-Nya dan bukan mengejar materialisme dan kemuliaan diri.





Hari 5 • 11 Ogos (Iasnin)

Minggu 2: Bertumbuh Dalam Keintiman Dengan Kristus

KEINTIMAN AKAN DIUJI

Kej 22:1 Setelah semuanya itu Allah mencuba Abraham.

Persahabatan Abraham dengan Tuhan telah diuji dengan hebat. Dia diperintah supaya mengorbankan satu-satunya anak tunggal yang dilkasihinya, Ishak, sebagai korban persembahan di atas Gunung Moria. Kepercayaannya terhadap Tuhan didasarkan kepada ikatan janji Tuhan dengannya dalam Kejadian 17:2-8. Kepercayaannya terhadap Tuhan diuji sehingga mencapai titik maut ketika dia menghulurkan pisau di tangannya untuk membunuh anaknya.

Adakah perhubungan kita bersama Tuhan pernah diuji sehingga mencapai titik maut? Respons kita ke atas ujian dan cubaan yang melanda kita akan menentukan tahap kasih keintiman kita dengan Tuhan. Tindakan-tindakan iman kita dalam detik-detik penderitaan akan didasarkan kepada pengalaman peribadi kita setiap orang dengan kasih Kristus terhadap kita.

Oleh itu, berbahagialah orang yang bertahan dalam pencubaan, sebab apabila ia sudah tahan uji, ia akan menerima mahkota kehidupan yang dijanjikan Allah kepada barangsiapa yang mengasihi Dia (Yak 1:12). Dengan cara yang sama, ketaatan Abraham dalam ujian yang amat sukar ini telah membawa berkat yang berlimpahan bukan sahaja ke atas keturunannya tetapi juga bagi seluruh bangsa di bumi ini.



Bahan Doa:

1. Renungkan betapa lebarnya dan panjangnya dan tingginya dan dalamnya kasih Kristus, agar dapat mengenal kasih itu sekalipun ia melampaui segala pengetahuan – supaya kamu dipenuhi di dalam seluruh kepenuhan Allah (Efe.3: 18-19).
2. Bersyukur kepada Tuhan dalam segala sesuatu keadaan, menerima yang baik dan (juga kesusahan) yang buruk (Ayub 2:10).
3. Minta Tuhan memberikan kasih karunia dan kekuatan supaya tidak menuduh Tuhan berlaku salah ketika kita mengharungi ujian dan cubaan yang hebat (Ayub 1:22). Mintalah agar Tuhan menolong kita menjadi pemenang yang berjaya.





KEINTIMAN MEMERLUKAN PENYUSUNAN KEUTAMAAN

Lukas 10:42 ... Maria telah memilih bahagian yang terbaik, ...

Maria dan Marta, dua adik beradik yang mengasihi Tuhan Yesus, telah menunjukkan kepada kita bagaimana kita menyusun keutamaan penumpuan kita dengan Tuhan.

Marta memberi penghormatan kepada Tuhan Yesus dengan membuka rumahnya serta menjadi tuan rumah kepada Yesus bila Dia datang ke kampungnya. Ayat 40 mengatakan perhatian Marta telah terganggu oleh semua persiapan yang perlu dilakukannya. Dia merasa tertekan dengan kerja-kerja itu dan tidak senang hati dengan cara Tuhan mengendalikan keadaan tersebut. Jawapan Yesus menunjukkan kepada dia bahawa hanya satu perkara yang perlu (ayat 42). Yesus menunjukkan kepada Marta bahawa keutamaannya salah; dan Maria yang nampaknya tidak menolong dalam semua persiapan itu, telah memilih yang terbaik. Keutamaan Maria adalah untuk menumpukan semua perhatiannya kepada Yesus dengan duduk dekat kaki Tuhan dan terus mendengarkan perkataan-Nya (ayat 39).

Dalam usaha mencapai keintiman dengan Tuhan, kita perlu menilai kembali beberapa keutamaan dalam hidup kita. Adakah pembacaan Alkitab, Firman hidup Tuhan keutamaan dalam hidup kita? Berapa banyak masa yang kita luangkan untuk membaca Alkitab dan berdoa jika dibandingkan dengan bermain golf atau membeli belah?



Bahan Doa:

1. Renungkan Matius 11:28
- Marilah kepada-Ku, semua yang lelah lesu dan berbeban berat, Aku akan memberi kelegaan kepadamu.
2. Bersyukur kepada Tuhan atas jemputan-Nya untuk belajar dari Dia semasa kita masuk hadirat-Nya.
3. Minta kelegaan bagi jiwa kita semasa kita masuk hadirat-Nya. Rendahkan hati dan akal budi kita untuk belajar dari Dia kerana kuk-Nya adalah enak dan beban-Nya pun ringan.





Hari 7 • 13 Ogos (Rabu)

Minggu 2: Bertumbuh Dalam Keintiman Dengan Kristus

KEINTIMAN MENCERMINKAN KESERUPAAN DENGAN KRISTUS

Yohanes 15:5-8

Di dalam perumpamaan ini, Kristus memberi satu analogi yang indah tentang Diri-Nya sebagai Pokok Anggur dan kita sebagai ranting-ranting. Kristus mengatakan bila kita tinggal di dalam Dia (Kristus), Dia (Kristus) (tinggal) di dalam kita, maka kita akan berbuah dengan banyaknya. Andrew Murray menghuraikan ranting-ranting sebagai satu keserupaan yang sempurna tentang pokok anggur. Satu-satunya perbezaan adalah pokok anggur kuat dan gagah dan merupakan sumber kekuatan; manakala ranting-ranting lebih kecil dan lemah serta sentiasa memerlukan dan menerima kekuatan. Tanpa pokok anggur, ranting tidak dapat berbuah kerana semua sumbernya datang daripada pokok anggur. Pokok anggur membekalkan kehidupan, sap dan kekuatan bagi ranting-ranting. Ranting-ranting tidak memiliki apa-apa tetapi hanya menerima apa yang dibekalkan dan diberikan oleh pokok anggur. Oleh itu, tanpa Kristus, kita tidak dapat melakukan apa-apa (yang berasal daripada Kristus).

Untuk mencapai keintiman dengan Tuhan, kita perlu menetap dalam keserupaan dengan Kristus dan sifat-sifat-Nya. Bila kita menyelaraskan hidup kita dengan tujuan-Nya, maka dengan semula jadinya kita akan berbuah seperti mana yang Tuhan rindukan daripada kita.

Di dalam perjalanan harian kita, memang merupakan suatu cabaran untuk selalu menetap dalam keserupaan dengan Kristus dan sifat-sifat-Nya. Tanpa pergantungan kepada Kristus yang sepenuhnya, kita tidak dapat menghasilkan buah seperti kerendahan hati, hospitaliti dan kasih yang serupa dengan Kristus.



Bahan Doa:

1. Renungkan ayat 1, Kristus adalah pokok anggur yang benar dan Bapa syurgawi kita adalah Pengusahaanya. Ketahuilah dengan pasti bahawa sebagai ranting-ranting-Nya, kita berada dalam tangan Tuhan yang baik yang mempedulikan segala keperluan pertumbuhan dan penghasilan buah dalam hidup kita.
2. Bersyukur kepada Kristus atas penyediaan kekuatan dan bimbingan-Nya yang berterusan agar kita dapat tinggal di dalam Dia walau pun mengharungi badai-badi kehidupan.
3. Minta Tuhan untuk terus menyatakan kepada kita misteri kesatuan kita dengan Kristus, Pokok Anggur, yang sentiasa berusaha mempersiapkan ranting-ranting supaya menghasilkan buah.



Hari 8 • 14 Ogos (Khamis)

Minggu 2: Bertumbuh Dalam Keintiman Dengan Kristus

KEINTIMAN MELALUI FIRMAN TUHAN

Yohanes 15:7-11

Merill C Tenney menjelaskan bahawa untuk tetap tinggal di dalam Kristus dan mengizinkan Firman-Nya tetap tinggal di dalam kita bererti bahawa kita secara sedar menerima autoriti Firman-Nya dan sentiasa berhubungan dengan Dia melalui doa. Bila murid-murid Kristus berada dalam keintiman sebegini dengan Kristus melalui Firman-Nya, maka permintaan doa mereka adalah untuk perkara-perkara yang merupakan hasrat hati Tuhan bagi kita. Oleh itu, doa-doa sebegini tentu akan dijawab sepertimana yang dijanjikan oleh Yesus dalam ayat 7 dan ini menjadi tanda bahawa kita adalah murid-murid yang berbuah dan membawa kemuliaan kepada Bapa syurgawi kita.

Menurut Tenney, dua hasil daripada perhubungan ini ialah ketaatan dan sukacita. Ketaatan terhadap perintah-perintah Yesus menandakan ketulenan kasih kita kepada Dia. Ini menghasilkan sukacita di dalam kita dan juga di dalam Kristus. Ketaatan dalam menuaikan tujuan Tuhan membawa kejayaan. Bila kehidupan Yesus dalam diri kita menghasilkan buah, sukacita yang semula jadi akan menyusul. Tetap tinggal di dalam Tuhan bukanlah satu tugas yang membebankan atau pun yang membosankan.



Bahan Doa:

1. Renungkan Yoshua 1:8... Janganlah engku lupa memperkatakan kitab Taurat ini tetapi renungkanlah itu siang dan malam supaya engku bertindak berhati-hati sesuai dengan segala yang tertulis di dalamnya, sebab dengan demikian perjalananmu akan berhasil dan engku akan beruntung.
2. Bersyukur kepada Tuhan bahawa Firman-Nya sentiasa ada untuk membimbing dan menuntun kita ke jalan yang benar.
3. Minta pertolongan Tuhan supaya menjadikan kita pendoa syafaat yang berbuah dengan sentiasa menetap di dalam Dia dan Firman-Nya.





Hari 9 • 15 Ogos (Jumaat)

Minggu 2: Bertumbuh Dalam Keintiman Dengan Kristus

KEINTIMAN MELALUI ROH KUDUS

Yoh. 14: 15 & 16 – Jikalau kamu mengasihi Aku, kamu akan menurut segala perintah-Ku ... dan Ia akan memberikan kepadamu seorang Penolong yang lain ...

Sebelum Dia pulang kepada Bapa syurgawi, Kristus menjanjikan Penolong bagi kita, iaitu Roh Kudus. Roh Kudus akan tinggal dalam kita dan membimbang kita. Sebelum janji ini diberi, terdapat seruan Yesus supaya kita mentaati perintah-Nya jika kita benar-benar mengasihi Dia. Dia mengulangi lagi dalam ayat 23 bahawa jika seseorang mengasihi Dia, ia akan menuruti Firman-Nya. Kristus sedar bahawa pengikut-pengikut-Nya pasti memerlukan bantuan-Nya untuk memenuhi perintah ini. Motivasi bagi menuruti perintah ini mesti berpunca daripada kasih untuk Kristus dan bukannya sebagai satu perintah yang bersifatkan autoritarian. Oleh itu, salah satu tujuan Roh Kudus ialah mengajar kita segala sesuatu dan mengingatkan kita segala yang diajar oleh Kristus. (ayat 26)

Kita perlu belajar mengizinkan Roh Kudus untuk tinggal dengan kita setiap hari supaya kita bertumbuh secara intim dengan Kristus.

Salah satu fungsi Roh Kudus adalah mewakili Tuhan kepada orang percaya sepertimana Yesus telah lakukan ketika penjelmaan-Nya di bumi. Kediaman-Nya dengan kita merupakan satu keistimewaan yang khusus untuk orang-orang percaya dalam Kristus (Yoh. 7 : 38-39).



Bahan Doa:

1. Renungkan bagaimana aliran air hidup akan mengalir dari dalam diri kita setiap hari (Yoh. 7:38)
2. Bersyukur kepada Tuhan Yesus atas janji pemberian Roh Kudus kepada kita, yang akan berdiam di dalam kita, menjadi Pembimbing/Penghibur dalam menolong kita bertumbuh menjadi lebih intim dengan Kristus.
3. Minta Roh Kudus, Roh Kebenaran untuk membimbang kita ke dalam pengetahuan yang lebih dalam dan perhubungan yang lebih erat dengan Yesus Kristus Tuhan Penyelamat dan Bapa Syurgawi kita.





Hari 10 • 16 Ogos (Sabtu)

Minggu 2: Bertumbuh Dalam Keintiman Dengan Kristus

KEINTIMAN MELALUI KELEMAHAN

Lukas 15:20 - ... Ketika ia masih jauh, ayahnya telah melihatnya lalu tergeraklah hatinya oleh belas kasihan. Ayahnya itu berlari mendapatkan dia lalu merangkul dan mencium dia.

Setiap orang percaya yang ikhlas menghadapi paradoks (lawan asas) tentang kasih Karunia: iaitu semasa kita berhadapan dengan (dan biasanya rasa terkejut) kegelapan kedosaan kita, Tuhan masih mencari kita walau pun kita berada dalam keadaan yang remuk. Malah Tuhan mengatakan kita indah oleh kerana karunia kebenaran melalui Kristus (2 Kor 5:17-21), kerana Dia mengesahkan ‘ya’ yang ikhlas dalam hati kita (Mzm 51:12; Mat 26:41), dan kerana Dia melihat kita melalui kaca mata masa depan abadi kita sebagai pengantin perempuan Yesus (Efe 4:11-13; 5:24-25). Seperti bapa yang “lari ...merangkul...dan mencium” anaknya yang hilang (Luk 15), Tuhan tidak berputus asa dalam pencarian-Nya orang-orang percaya yang lemah tetapi ikhlas dan Dia tidak goyah dalam komitmen-Nya untuk mengasihi kita sampai kesempurnaan. Kebolehan kita bertumbuh dalam keintiman dengan Kristus adalah berkaitan dengan kemampuan kita untuk melihat diri kita melalui pandangan-Nya agar kita boleh hidup di bawah naungan-Nya tanpa rasa malu.



Bahan Doa:

1. Renungkan apa yang Firman Tuhan isytharkan tentang siapa diri kita dalam Kristus (contohnya 2 Kor 5:17; Efe. 2:10; Yoh. 1:12; 1 Pet. 2:9)
2. Bersyukur kepada Tuhan bahawa Dia berkenan dengan kita walau pun kita dalam keremukan, bahawa Dia tidak membenci kita semasa kita dalam kelemahan tetapi Dia menguatkan kita untuk mengasihi Dia dengan sebetulnya.
3. Minta Tuhan untuk menyatakan dan menerangi sebarang kegelapan dalam hati kita. Bila kita hidup dalam terang, kita ada persekutuan dengan Tuhan dan bertumbuh dalam keintiman dengan-Nya (Yoh. 3:17-19, 1 Yoh 1:5-10). Mohon agar kita dapat melihat diri kita sendiri dan bersetuju dengan pandangan Bapa syurgawi supaya kita dapat (dan minta kasih karunia untuk) menghadap Dia dengan penuh keyakinan setiap hari untuk bertumbuh dalam kasih sayang di hadapan Tuhan.





Hari 11 • 17 Ogos (Ahad)

Minggu 2: Bertumbuh Dalam Keintiman Dengan Kristus

APA YANG MENGHALANG KEINTIMAN KITA DENGAN KRISTUS

Mat. 13:22 Yang ditaburkan di tengah semak duri ialah orang yang mendengar Firman itu, lalu kekuatiran dunia ini dan tipu dayakekayaan menghimpit Firman itu sehingga tidak berbuah.

Kid. 2:15 Tangkaplah bagi kami rubah-rubah itu, rubah-rubah yang kecil; yang merosak kebun-kebun anggur.

Rubah (musang) adalah binatang yang licik yang merosakkan ladang anggur pada waktu malam. Tidak seperti singa yang gagah dan kuat yang menyerang pada siang, musang adalah kecil, pantas, licik dan susah untuk ditangkap. ‘Musang-musang kecil’ di ladang anggur dalam hati kita mewakili kompromi yang kecil seperti ketakutan, pemikiran, pertuturan dan serta sikap-sikap yang berdosa, penyalahgunaan masa dan wang dengan kecilnya tetapi dengan kerapnya. Seperti benih yang ditaburkan di tengah semak duri (Mat. 13:22), kompromi-kompromi, cabaran-cabaran dan kekuatiran ini menghalang keberhasilan buah. Seruan untuk ‘tangkaplah bagi kami rubah-rubah itu’ adalah seruan kepada Tuhan untuk menghapuskan segala yang menghalang kita daripada mengasihi Dia dengan sepenuh hati.



Bahan Doa:

1. Renungkan tentang kesudian dan kebolehan Tuhan untuk menolong kita dalam kelemahan kita (Rom. 8:26-27; Ibr. 4:14-16; Yud. 1:24).
2. Bersyukur kepada Tuhan untuk kasih-Nya dan kesudian-Nya untuk menghapuskan sebarang halangan dan komitmen Dia untuk memajukan kita dalam kasih.
3. Minta Tuhan untuk mendedahkan mana-mana bahagian yang berkompromi yang menghalang perhubungan kamu dengan Dia (Mzm 139:23-24). Jemputlah Dia untuk menghapuskan segala yang merosakkan keintiman dan minta kasih karunia-Nya untuk membangkitkan kamu dari zon keselesaan agar kamu dapat bekerjasama dengan Dia.





KASIH DICURAHKAN

Matius 26:7 ...datanglah seorang perempuan kepada-Nya membawa sebuah buli-buli pualam berisi minyak wangi yang mahal. Minyak itu dicurahkannya ke atas kepala Yesus yang sedang duduk makan.

Dalam Injil Lukas, dia dikenali sebagai Maria dari Betania, seorang anak yatim piatu yang tinggal bersama saudaranya Marta dan Lazarus. Minyak wangi mahal miliknya adalah jaminan masa depan dan mas kahwinnya pada satu hari nanti.

Renungan ini bermula dengan perkara terpenting dari segalanya: Kasih. Pertemuannya dengan Yesus menyebabkan dia melepaskan harta yang paling mahal miliknya untuk digantikan dengan sesuatu yang lebih besar nilainya. Ketika itu, dia belajar bahawa curahan kasihnya kepada Yesus mengundang kebencian dari orang ramai. Mereka samakan perbuatan setianya dengan kebodohan.

Begin juga dengan Gereja-Nya. Apabila mereka mulai giat mengasihi Yesus dalam negara ini, suara-suara dari pihak musuh juga akan bertambah. Bila kita dengan tulus mengasihi Yesus, dunia akan melihat kita dengan kehinaan dan kebencian. Akan tetapi, penganiayaan yang bertubi-tubi tidak dapat melenyapkan kasih sempurna dan dengan melepaskan segala-galanya untuk kasih itu – walau dengan nyawa hidup kita yang dianggap satu kerugian setelah mengenal Dia.



Bahan Doa:

1. Mohon kepada Yesus untuk menyatakan kasih, keindahan dan keagungan-Nya kepada kita. Ini membawa kita untuk mencurahkan kasih kita kepada Dia yang layak terimanya.
2. Luangkan masa untuk tindak-balas kepada pengwahyuan Tuhan dengan menyembah dan memuji Dia sebagaimana adanya Dia.
3. Berdoa supaya gereja bangkit dan menyembah Yesus dengan luar biasa seperti yang dilakukan oleh Maria dari Betania, dan supaya Gereja berdiri atas Firman Yesus semasa menghadapi penganiayaan.





Hari 13 • 19 Ogos (Selasa)

Minggu 3: Gereja Melalui Pencubaan Dan Penderitaan

IKRAR KESETIAAN KITA

Yohanes 15:18 Jikalau dunia membenci kamu, ingatlah bahawa ia telah lebih dahulu membenci Aku daripada kamu.

Kita dipanggil untuk dikuduskan bagi Tuhan – berada di dalam dunia tetapi bukan keduniaan. Bila kita mengikrarkan kesetiaan kepada Yesus, kita serta-merta menjadi musuh kepada dunia. Dalam kitab Injil, Tuhan kita difitnah oleh dunia sebagai seorang pelahap dan mengusir roh jahat dengan kuasa syaitan. Dunia tidak mengasihi Dia. Mereka rela memilih Barabas, seorang pembunuhan, daripada Dia.

Dalam konteks kita hari ini, dibenci oleh dunia mungkin bermakna rakan sekerja memanggil kita sebagai fanatik agama, guru-guru sekolah mencabar iman kita secara terbuka di depan pelajar-pelajar lain, atau ahli-ahli keluarga kita yang belum percaya menolak kita. Tetapi harapan kita adalah ini: “Berbahagialah orang yang dianaya oleh sebab kebenaran, kerana mereka lah yang empunya Kerajaan Syurga” (Mat 5:10). Rumah kita yang sebenarnya bukanlah di dalam dunia fana ini tetapi dalam kerajaan syurga yang kekal abadi.



Bahan Doa:

1. Renungan bagaimana kita telah dikuduskan dari dunia untuk menjadi umat kerajaan Dia (Yoh 17:16)
2. Bersyukur kepada Tuhan atas penghormatan dan keistimewaan untuk setia kepada-Nya dan atas kasih karunia-Nya untuk terus berjalan dalam panggilan itu.
3. Berdoa agar Gereja akan taat dan setia kepada Yesus walaupun diancam oleh dunia dengan penganiayaan.





Hari 14 • 20 Ogos (Rabu)

Minggu 3: Gereja Melalui Pencubaan Dan Penderitaan

KASIH MENDORONG KITA MENGAJISI

Lukas 23:33-34 Ketika mereka sampai di tempat yang bernama Tengkorak, mereka menyalibkan Yesus di situ dan juga kedua orang penjahat itu, yang seorang di sebelah kanan-Nya dan yang lain di sebelah kiri-Nya. Yesus berkata: “Ya Bapa, ampunilah mereka, sebab mereka tidak tahu apa yang mereka perbuat.”

Yesus adalah Alfa dan Omega, Yang Awal dan Yang Akhir, telah mengenali Bapa sejak kekekalan. Yesus hidup, mati dan bangkit, satu-satunya Anak Tunggal datang untuk mengisyiharkan kasih Bapa tetapi dunia menyalibkan Dia dan mengatakan Dia layak mati bersama penjahat-penjahat.

Tuhan dan Perintis kita, Yesus Kristus, berkata bahawa sesiapa yang mengikuti Dia harus memikul salibnya sendiri. Sepertimana Dia mengasihi di atas salib, kita juga harus mengasihi di atas salib kita. Ini terjadi jika kita tetap berada di dalam kasih yang pertama, tinggal di dalam kasih Bapa seperti yang Yesus lakukan. Stefanus yang mati dalam penganiayaan berseru dengan suara nyaring sebelum mati, “Tuhan, janganlah tanggungkan dosa ini kepada mereka,” (Kisah Para Rasul 7:60). Hari ini umat-umat Tuhan mesti bertahan dalam mengasihi supaya dapat berdiri dan melihat ke dalam mata musuh kita dan berkata, “Yesus mengasihi kamu. Saya juga mengasihi kamu.”



Bahan Doa:

1. Mohonlah agar Tuhan mengingatkan anda sesiapa yang menganggap anda musuh mereka, dan mohon kasih karunia-Nya supaya dapat mengampuni mereka (Mat 6:14-15).
2. Luangkan masa untuk memberkati mereka dengan doa anda (Mat 5:44-45).
3. Minta Yesus menolong anda berakar dan matang dalam kasih supaya tindakbalas anda adalah kasih apabila penganiayaan berlaku (Efesus 3:14-17).





Hari 15 • 21 Ogos (Khamis)

Minggu 3: Gereja Melalui Pencubaan Dan Penderitaan

SYURGA TERBUKA DI PENJARA

Kisah Para Rasul 16:25-26 Tetapi kira-kira tengah malam Paulus dan Silas berdoa dan menyanyikan puji-pujian kepada Allah dan orang-orang hukuman lain mendengarkan mereka. Akan tetapi terjadilah gempa bumi yang hebat, sehingga sendi-sendi penjara itu goyah; dan seketika itu juga terbukalah semua pintu dan terlepaslah belenggu mereka semua.

Dalam kitab Kisah Para Rasul, gereja bertumbuh dengan cepat dan terdorong untuk mengembangkan Kerajaan-Nya ke tempat-tempat lain di dunia akibat penganiayaan. Bila syurga terbuka ke atas gereja yang pertama, ini juga berlaku kepada pintu-pintu dan ruangan-ruangan di dalam penjara. Tiada kuasa penentang yang ada di bumi ini mampu menahan pekerjaan syurga secara fizikal. Penjara menghalang Paulus dan Silas daripada memberitakan Injil tetapi tidak menghalang mereka daripada bersetuju dengan kuasa syurgawi yang di atas seluruh bumi. Mereka berdoa dan menyembah dan menjemput hadirat Tuhan ke dalam penjara. Dasar bumi bergoncang, pintu-pintu terbuka dan rantai-rantai terlepas – semua alat penindasan dihancurkan dalam kemuliaan Tuhan! Bila kebangunan rohani berlaku, apakah yang dapat dilakukan oleh manusia untuk menghalangnya?



Bahan Doa:

1. Mohon kepada Bapa supaya selaraskan hati kita dengan hati-Nya untuk kebangunan rohani negara ini dan bagaimana anda dapat mengenal dan menjadi sebahagian daripadanya.
2. Isytiharkan kuasa syurga ke atas kehidupan peribadi anda, gereja, negara dan bangsa-bangsa.
3. Berdoa untuk Gereja agar menyahut penganiayaan dengan bertekun dalam doa dan penyembahan untuk mengundang hadirat Tuhan bagi negara ini.





Hari 16 • 22 Ogos (Jumaat)

Minggu 3: Gereja Melalui Pencubaan Dan Penderitaan

BERSUKACITALAH!

Kisah Para Rasul 5:41 Rasul-rasul itu meninggalkan sidang Mahkamah Agama dengan gembira, kerana mereka telah dianggap layak menderita penghinaan oleh kerana Nama Yesus.

Terdapat satu kisah mengenai seorang percaya yang telah ditawan oleh penganiaya-penganiayanya, di mana pipinya ditikam dengan sebilah pisau. Orang percaya itu mula ketawa tanpa terkawal. Penganiayanya mulai menengking dia, "Kenapa kamu ketawa? Tidakkah kamu takut akan kematian?" Dia memandang mereka sambil ketawa dan menjawab, "Kenapa saya perlu takut? Saya sudah mati dalam Dia!"

Secara manusiawi, kesengsaraan tidak boleh disamakan dengan sukacita. Akan tetapi, Tuhan adalah di luar fikiran logik manusia. Dalam kitab Matius, kita baca bahawa para pengikut Yesus dipenuhi dengan dukacita ketika Yesus mula bercakap tentang kematian-Nya di Yerusalem. Dalam Injil Yohanes, kita dapat rasa kesedihan pengikut-pengikut-Nya ketika mereka berada di meja makan bila Yesus mengatakan tentang penderitaan yang Dia mesti tanggungi. Akan tetapi, alangkah bersukacitanya mereka bila mereka melihat dengan sendiri kebangkitan Tuhan dan Dia terangkat ke syurga. Kemenangan Kristus ke atas maut merupakan sebab mereka bersukacita! Kesengsaraan mereka dianggap layak seperitimana yang telah dilalui oleh Kristus, maka mereka juga mempunyai kepastian bahawa mereka juga akan dikira layak untuk berkongsi dalam kemuliaan-Nya!



Bahan Doa:

1. Minta Dia untuk mengingati anda tentang peristiwa-peristiwa masa lampau di mana anda menderita kerana Dia dan bersyukur kepada Dia kerana anda berkongsi dalam kesengsaraan-Nya.
2. Bersyukur dan puji Dia kerana mengalahkan maut melalui salib dan kebangkitan.
3. Oleh sebab sukacita merupakan salah satu buah Roh, maka mohonlah Yesus mencurahkan Roh-Nya ke atas Gereja di negara ini agar ia akan bersukacita apabila dalam penganiayaan.





Hari 17 • 23 Ogos (Sabtu)

Minggu 3: Gereja Melalui Pencubaan Dan Penderitaan

GANJARAN

2 Kor 4:17 Sebab penderitaan ringan yang sekarang ini, mengerjakan bagi kami kemuliaan kekal yang melebihi segala-galanya, jauh lebih besar daripada penderitaan kami.

Penganiayaan dan mati syahid adalah perkara yang biasa untuk gereja pertama. Ada di antara kita mungkin pernah mengalami penganiayaan sehingga ke suatu tahap tetapi tidaklah sehingga berhadapan dengan kematian. Akan tetapi, kita sentiasa membawa kematian Yesus dalam tubuh kita, sentiasa diserahkan untuk dibunuh seperti mana yang ditulis oleh Paulus dalam beberapa ayat sebelum ini. Ini berlaku supaya hidup-Nya dinyatakan dalam kita. Oleh itu, tidak kira seberat mana pun tahap penderitaan yang kita hadapi, Paulus mengatakan semua penderitaan ini “ringan” dan “sementara”. Jika kita meletakkan hidup kita di dunia ini, kemenangan dan kehilangan kita bersebelahan untuk dibandingkan dengan keabadian dan ganjaran kemuliaan untuk orang-orang benar, 70 hingga 80 tahun kehidupan kita di bumi ini kelihatan seolah-olah seperti sesaat sahaja. Hidup yang sentiasa berjaga-jaga dan rindu untuk kekekalan telah menolong ramai orang-orang benar bertahan dalam musim penganiayaan. Adakah kita mempunyai satu wawasan kekekalan? Adakah kita puas dengan perkara-perkara di dunia atau pun kita rindu untuk mempunyai lebih banyak hal-hal syurgawi setiap hari?



Bahan Doa:

1. Bersyukurlah kepada Dia untuk ganjaran yang kamu ada dalam Dia – yang dapat dilihat dan yang tidak dapat dilihat – semasa anda melalui penderitaan di bumi ini.
2. Mohonlah kepada Dia untuk wahyu, pemahaman dan kesedaran yang lebih besar tentang keabadian.
3. Berdoa untuk Gereja di Malaysia supaya hatinya terarah kepada kekekalan dan mampu bertahan terhadap penganiayaan yang akan datang.





Hari 18 • 24 Ogos (Ahad)

Minggu 3: Gereja Melalui Pencubaan Dan Penderitaan

GEREJA PEMENANG

Wahyu 21:7 Barangsiapa menang, ia akan memperoleh semuanya ini, dan Aku akan menjadi Allahnya dan ia akan menjadi anak-Ku.

Kitab Wahyu 21 mengatakan tentang kemuliaan Yerusalem Baru di mana segala sesuatu akan dijadikan baru dan tiada kematian, kesakitan atau tangisan. Tidak perlu adanya matahari atau bulan kerana Domba itu Sendirilah yang akan menjadi terang. Sebelum itu, ia juga mengatakan tentang penderitaan ke atas orang-orang benar bila kemarahan Setan terjadi pada hari-hari yang terakhir. Bila kedua-dua gambaran ini digabungkan, ia adalah satu dorongan kepada semua orang percaya untuk bertahan dalam kesengsaraan apabila menanti kedatangan Tuhan yang kedua yang semakin dekat. Begitu indahnya perkataan “mewarisi” dan “anak” digunakan dalam ayat ini. Seperti Raja Yesus, satu-satunya Anak tunggal Tuhan, yang layak menguasai seluruh bumi, maka kita juga, sebagai anak-anak-Nya melalui roh pengangkatan, akan berkongsi dalam warisan-Nya bila Dia datang untuk menguasai seluruh dunia satu hari nanti (Wahyu 5:9-10; 19:11-16). Berdirilah teguh kerana Dia layak ke atas semua ini!



Bahan Doa:

1. Renungan janji-janji Tuhan kepada umat-Nya di akhir zaman dan bagaimana Dia sedang mengundang anda untuk menuntut janji-janji-Nya.
2. Berdoa agar Dia akan menguatkan anda untuk bertahan ketika dalam penderitaan.
3. Wahyu 22:17 adalah seruan Gereja pada akhir zaman. Berdoa supaya apabila Gereja berkumpul dalam persekutuan doa, fokusnya adalah supaya Yesus datang segera.





KESATUAN DALAM TUBUH KRISTUS

Penghuraian yang paling jelas tentang Kesatuan dalam Tubuh Kristus diberi oleh Tuhan Yesus sendiri dalam Yohanes 17 – Doa Imam Agung Tuhan di Taman Getsamani.

Tidak ada satu masa yang lebih bererti untuk Yesus mengungkapkan doa ini melainkan pada malam sebelum Dia disalibkan. Dalam Yohanes 17:6-19, Dia berdoa kepada Bapa untuk murid-muridnya dan kemudian untuk kita, iaitu pengikut-pengikut-Nya dan gereja dalam ayat 20-26. Dua puluh daripada dua-puluh enam ayat dalam bab ini, Yesus berdoa satu doa yang sangat besar dan bermurah hati dengan m e n u n t u t janji-janji daripada Bapa. Dengan jelas Dia menyatakan “DNA Rohani” untuk kesatuan – iaitu “supaya mereka semua menjadi satu sama seperti Engkau, ya Bapa, di dalam Aku dan Aku di dalam Engkau” (ayat 21). Malah dengan niat Dia teruskan pengulangan-Nya dengan doa “Dan Aku telah memberikan kepada mereka kemuliaan, yang Engkau berikan kepada-Ku, supaya mereka menjadi satu, sama seperti Kita adalah satu, agar dunia tahu, bahawa Engkau yang telah mengutus Aku dan bahawa Engkau mengasihi mereka, sama seperti Engkau mengasihi Aku” (ayat 22 -23). Tiga bab yang sebelum ini, juga menyatakan dengan jelas bahawa kesatuan kudus ini melibatkan Allah Roh Kudus yang memberi kita ajaran utama mengenai Ketuhanan Tritunggal sebagai Trinitas yang Kudus.

Mengetahui bahawa kita berkongsi satu kesatuan dengan Tuhan yang begitu mengasihi dan mempunyai hubungan peribadi dengan kita, maka tidak hairanlah Yesus berkata kepada Gereja-Nya “...alam maut tidak akan menguasainya” (Matius 16:18).



Bahan Doa:

1. Berdoa untuk diri kita sebagai pengikut-pengikut Kristus dan Gereja untuk mengenapi doa Imam Agong yang menyeru kita untuk bersatu.
2. Berdoa agar kita akan ingat dan mengerjakan DNA Rohani gereja ini – kesatuan – supaya dunia akan tahu bahawa Kristus telah diutus oleh Bapa syurgawi kita.





Hari 20 • 26 Ogos (Selasa)

Minggu 4: Kesatuan Dalam Tubuh Kristus

KUALITI PENTING KESATUAN

Kuasa kekudusan yang seterusnya dalam tajuk kesatuan ini adalah tentang seorang Rasul kepada bangsa-bangsa lain, St. Paul.

Kesatuan gereja bergantung kepada sikap dan kelakuan kita (Efesus 4:2). John Stott mengatakan banyak gereja bermula dengan banyak struktur (di mana ia mungkin berguna) tetapi Paulus bermula dengan kualiti moral (ia adalah lebih penting). Terdapat empat kualiti moral:

1. **“rendah hati”**. Ini dipandang hina sebagai sikap penghambaan pada zaman dahulu. Tapi perkataan yang digunakan ini membawa maksud “kerendahan minda” seperti mana yang ditunjukkan oleh Kristus dengan mengosongkan Diri-Nya untuk menjadi seorang hamba (Filipi 2:3-8).
2. **“lemah lembut”**. Ini dikaitkan dengan binatang-binatang peliharaan. Ia bukanlah “kelemahan” tetapi kelelahan-lembutan dalam orang yang kuat (atau ‘kesederhanaan’ seperti yang dihayati oleh ahli falsafah Aristotle) di mana kekuatannya adalah terkawal dan dengan satu kecenderungan untuk tidak memaksa hak peribadinya. Tambah Scott lagi, **penyatuan** (1) dan (2) akan membentuk satu gabungan semulajadi dan keseimbangan yang sempurna dalam Kristus.
3. **“sabar”** dan **“saling membantu”** (sambungan dari ringkasan Stott) juga membentuk satu gabungan semula jadi. Sabar adalah tahan dalam penderitaan terhadap orang yang suka membawa keburukan, seperti mana yang ditunjukkan Bapa melalui Kristus (Roma 2:4; 1 Timotius 1:16). Saling membantu bermaksud saling bertolak ansur kerana tanpanya tiada sesiapapun dapat hidup dalam kedamaian.
4. **“kasih”** adalah kualiti yang terakhir yang merangkumi empat kualiti di atas dan yang merupakan kualiti yang tertinggi nilainya. Ia bertujuan untuk melihat kebaikan orang lain dan untuk kebaikan masyarakat (Kolose 3:14).



Bahan Doa:

1. Jika kita benar-benar merindukan kesatuan dalam Tubuh, marilah kita berdoa untuk kesemua empat kualiti penting ini: rendah hati, lemah lembut, kesabaran, saling membantu dan kasih.
2. Mintalah supaya Bapa kita mengampuni kelemahan kita dan memberi kita kekuatan untuk sama seperti Dia – rendah hati, lemah lembut, sabar, membantu dan mengasihi.





Hari 21 • 27 Ogos (Rabu)

Minggu 4: Kesatuan Dalam Tubuh Kristus

KESATUAN KRISTIAN TUNTUT PERTUMBUHAN YANG MATANG

Paulus dengan jelas menyatakan tujuan gereja bukan hanya pandai dengan kata-kata yang alim. Pertama, dalam Efesus 4:13-14, dia mengatakan, “sampai kita semua telah mencapai satu kesatuan iman dan pengetahuan yang benar tentang Anak Allah, kedewasaan penuh, ... sehingga kita bukan lagi anak-anak, yang diombang-ambingkan oleh rupa-rupa angin pengajaran ...”. Kemudian dia meneruskan dalam ayat 15, “tetapi dengan teguh berpegang kepada kebenaran di dalam kasih kita bertumbuh di dalam segala hal ke arah Dia, Kristus”. Paulus mengakhiri pengajarannya dengan merujuk kepada kiasannya yang terkenal iaitu kiasan tubuh apabila setiap anggota (tubuh) berfungsi dengan baik, (membuat) pertumbuhan secara jasmani dan (bina) dalam kasih.

Kesatuan di kalangan orang Kristian tidak boleh bertumbuh tanpa iman dan pengetahuan serta keseimbangan dalam kebenaran dan kasih. Ia juga tidak dapat bertumbuh jika ia di luar daripada satu tubuh yang sihat. Ia saling berhubung kait dan bukanlah secara perseorangan. Walaupun dalam erti kata lain kesatuan adalah kesepakatan (Stott mengingatkan kita sekali lagi), namun dalam erti kata lain pula, kesatuan perlu “dijaga” secara nyata (ayat 3) dan “diperolehi” dengan sepenuhnya (ayat 13). Kesatuan wujud sebagai pemberian Tuhan. Tetapi ia juga mesti diperolehi sepenuhnya sebagai matlamat. Stott mencadangkan, seperti kekudusan yang mempunyai beberapa tahap, maka kesatuan pun mempunyai beberapa tahapnya.



Bahan Doa:

1. *Dengan sikap berdoa, fikirkanlah beberapa langkah praktikal yang diambil oleh gereja kita dan masyarakat Kristian setempat, negara dan masyarakat antarabangsa, untuk menolong kita bertumbuh ke arah kematangan dan kesatuan dalam hidup kita sebagai Kristian. Adakah kita telah mengambil peluang daripada salah satu keadaan ini atau adakah kita terlalu mementingkan diri dan sibuk “melakukan urusan sendiri”?*





KESATUAN PENGGERAK MISI

Tuhan menebus manusia melalui kuasa Injil Kristus dan membawa mereka bersama-sama menjadi satu umat yang dinamakan Gereja. Melalui Gereja, Tuhan menyatakan rancangan keselamatan-Nya kepada semua orang di bumi ini.

Untuk memenuhi peranannya, Gereja harus hidup dalam kesatuan. Tiada yang lebih membahayakan Gereja selain perpecahan. Apabila ada perpecahan di dalam Gereja, ia menyediakan hati Roh Kudus dan menghalang pekerjaan-Nya. Ini tidak memuliakan Tuhan. Ini memberi kesaksian yang palsu terhadap kesatuan yang sempurna dari Tuhan Tritunggal kita. Ini menyangkal kesaksian Gereja bahawa Tuhan adalah Tuhan yang berbelas kasihan dan kasih. Ini mematahkan semangat orang yang melayani di Gereja. Ini menghalau orang-orang percaya dan orang-orang yang mencari Tuhan.

Sebaliknya, bila umat Tuhan hidup dengan rukun dan damai, ini menyenangkan hati Tuhan. Roh Kudus dapat bergerak dengan bebas di tengah-tengah mereka, maka dunia akan tahu bahawa orang-orang Kristian adalah pengikut Yesus Kristus dan ramai akan tertarik kepada Dia. Ini mewujudkan satu persekitaran yang indah untuk pertumbuhan dan perkembangan rohani yang sihat untuk orang-orang percaya. Pekerja-pekerja Tuhan dapat menyatakan usaha mereka untuk melakukan kehendak Tuhan. Matlamat Tuhan dapat dicapai dengan lebih mudah di dalam satu Gereja yang bersatu.



Bahan Doa:

1. Berdoa agar Gereja di Malaysia akan "mencapai kesatuan iman dan pengetahuan yang benar tentang Anak Allah, kedewasaan penuh, dan tingkat pertumbuhan yang sesuai dengan kepenuhan Kristus."
2. Berdoa supaya jemaat Gereja di Malaysia tahu bahwa mereka adalah satu Tubuh, memperhatikan dan menjaga satu sama lain.





Hari 23 • 29 Ogos (Jumaat)

Minggu 4: Kesatuan Dalam Tubuh Kristus

KESATUAN ALKITABIAH BUKAN KESERAGAMAN

Setan tahu kuasa kehancuran untuk perpecahan dan kuasa yang membangunkan untuk kesatuan. Oleh itu setan bekerja untuk mencetuskan perpecahan di dalam gereja. Bermula dari gereja pertama, Setan membuat penganut Yahudi yang berbahasa Yunani meragui keprihatinan dan kasih penganut Kristian Yahudi yang berbahasa Ibrani. Setan membuat penganut Yahudi menjauahkan diri mereka daripada orang-orang percaya yang dari bangsa-bangsa lain.

Apakah jenis kesatuan yang diajar oleh Alkitab? Pertama, kesatuan secara doktrin. Orang percaya dapat melihat Tuhan, manusia sejagat dan dunia melalui kanta Alkitab. Mereka percaya dan oleh itu bercakap tentang perkara yang sama mengenai hakikat seperti yang mereka fahami melalui Alkitab. Kedua, kesatuan hati. Orang yang beriman saling berhubung erat dan indah di antara satu sama yang lain sebagai satu tubuh sehingga mereka merasa kegembiraan dan kedukaan yang dialami sesama mereka.

Sebuah Gereja yang bersatu tidak bererti semua orang percaya mempunyai pemikiran, tingkah laku dan nilai-nilai yang sama. Kesatuan secara alkitabiah dihasilkan oleh Roh Kudus dan berdasarkan kuasa Injil Kristus yang luar biasa yang dialami oleh semua orang percaya. Ia mampu mengubah seseorang sehingga mereka rela mentaati sesama mereka dan tidak memaksa untuk melaksanakan sesuatu perkara mengikut cara sendiri. Mereka mengikuti jejak langkah Yesus yang mempunyai keyakinan penuh terhadap kasih Bapa-Nya dan mentaati Dia dengan sepenuhnya. Roh Kudus akan terus membentuk orang-orang percaya agar pemikiran dan kelakuan mereka seajar dengan Alkitab. Untuk tujuan itu, Gereja sedang membentuk kesatuan secara alkitabiah yang memuliakan Tuhan, menarik perhatian orang-orang yang ingin mencari Tuhan dan membolehkan Gereja bersinar dengan terang di dalam dunia yang gelap ini.



Bahan Doa:

1. Berdoa agar Tuhan memulihkan perhubungan yang retak di dalam gereja, membawa perdamaian dan menyembuhkan hati yang terluka.
2. Berdoa agar Roh Kudus akan bekerja dalam kehidupan orang-orang percaya supaya mereka dapat hidup dalam kesatuan sesama mereka.





KEBENARAN ADALAH DASAR KESATUAN KRISTIAN

Walaupun kesatuan di dalam gereja sangat penting untuk memenuhi secara berkesan peranannya yang diberi oleh Tuhan, ia bukanlah satu syarat yang mutlak bagaimana orang-orang percaya harus berhubung di antara satu sama lain.

Di dalam suratnya yang pertama, Rasul Yohanes menulis, "Apa yang telah kami lihat dan yang telah kami dengar itu, kami beritakan kepada kamu juga, supaya kamu pun beroleh persekutuan dengan kami ..." (1 Yohanes 1:3). Menurut Yohanes, untuk menjalankan satu persekutuan yang mendalam dan kuat dengan pembacanya, dia terlebih dahulu memberitahu mereka apa yang dia percaya tentang Yesus. Dalam kata lain, persekutuan tidak mempunyai arti jika orang-orang di kalangan persekutuan itu tidak berkongsi fahaman dan pandangan yang sama tentang Yesus Kristus. Kebenaran adalah dasar persekutuan yang murni.

Demikian juga, bila Rasul Paulus ingin menjemput orang-orang percaya di Roma untuk menjadi rakan persekutuan dalam penginjiliannya ke Sepanyol, secara teologi dia menulis kitab Roma yang dengan jelas menyatakan kebenaran-kebenaran yang dipercayai oleh orang Kristian. Menurut Paulus, untuk satu persekutuan menjadi akrab dan bermakna, ia memerlukan dasar teologi yang sama.



Bahan Doa:

1. Berdoa agar kesatuan Gereja di Malaysia akan dilihat melalui kerjasama di dalam mengembangkan Kerajaan Tuhan.
2. Berdoa agar kesatuan dalam gereja-gereja tidak hanya pada luaran sahaja tetapi digerakkan oleh Roh alkitabiah dan meninggikan Kristus.





KESATUAN MELALUI LIMA JABATAN PELAYANAN

Apabila Paulus menangani perpecahan gereja di Korintus, dia berkata dalam 1 Korintus 11:19, “Sebab di antara kamu harus ada perpecahan, supaya nyata nanti siapakah di antara kamu yang akan uji.” Paulus menjangkakan berlakunya beberapa perpecahan di dalam gereja kerana bukan semua yang mengaku dirinya orang Kristian merupakan orang yang benar-benar percaya. Oleh kerana adanya kehadiran orang-orang yang tidak percaya atau kepercayaan yang palsu, maka memang “akan” wujudnya perpecahan di dalam gereja.

Bila kita cuba membina atau menjaga kesatuan gereja, kita jangan hanya melakukannya dengan kebenaran atau teologi yang alkitabiah. Bahkan, kita patut melakukannya dengan mengagungkan doktrin Alkitab dan bukan menghindarinya. Kita tidak boleh mengabaikan kebenaran demi kesatuan.

Kesatuan yang Alkitabiah adalah sesuatu yang setiap gereja perlu usahakan secara berterusan. Tuhan dengan hikmat-Nya telah memberi gereja “rasul, nabi, penginjil, pastor dan pengajar untuk memperlengkapkan gereja-Nya supaya mereka dapat mencapai kesatuan iman dan pengetahuan yang benar tentang Anak Allah.” Pengikut-pengikut Tuhan telah diperintahkan untuk “beritakanlah firman, nyatakan apa yang salah, tegur dan nasihati dengan segala kesabaran dan pengajaran” supaya umat Tuhan benar-benar dapat bersatu dalam Kristus dan dengan satu hati, satu minda dan satu suara menyatakan kebenaran Tuhan dalam kasih kepada satu sama lain dan kepada dunia.



Bahan Doa:

1. Berdoa agar para pastor, pengkhutbah, pengajar dan pemimpin menyatakan doktrin alkitabiah yang terbaik kepada gereja-gereja dengan sabar dan setia.
2. Berdoa untuk hikmat, pimpinan dan visi dari Tuhan untuk pemimpin-pemimpin gereja seluruh negara supaya apabila mereka berusaha untuk menyatupadukan gereja-gereja/ denominasi-denominasi serta organisasi Kristian di Malaysia untuk mencapai matlamat Tuhan untuk negara kita.





AMANAT AGUNG

Markus 16:15-16 Pergilah ke seluruh dunia, beritakanlah Injil kepada segala makhluk. Siapa yang percaya dan dibaptis akan diselamatkan.

Gereja mempunyai tugas yang besar membawa berita baik untuk memberi impak kepada bangsa-bangsa dan merupakan perantaraan-Nya yang utama bagi tugas ini. Gereja di Malaysia berada dalam kedudukan yang strategik untuk menjangkau bangsa dari pelbagai budaya di negara ini. Tubuh Kristus yang membentuk Gereja di Malaysia adalah sebuah gereja yang mempunyai pelbagai bahasa dan budaya dengan kebolehan semulajadi untuk berkomunikasi merentasi halangan-halangan budaya dan etnik. Dengan sukacitanya kita mengisyitiharkan kita adalah “Sememangnya Asia” (“Truly Asia”) dan sebagai “Satu gabungan masakan pelbagai kaum” .

Gereja perlu metaati Amanat Agung untuk memberi impak kepada jiwa-jiwa di tempat kerja dan yang tinggal bersama dengan kita kerana ramai di antara mereka menderita dengan kesunyian, ketakutan, dan amat memerlukan kasih dan persekutuan.



Bahan Doa:

1. Mohon pengampunan terhadap sikap merasa puas dan kegagalan kita untuk menjangkau orang yang kita jumpa dalam kehidupan sehari-hari kita.
2. Berdoa untuk pengampunan kerana walaupun kita ada karunia untuk bertutur lebih daripada satu bahasa, kita tidak menjangkau orang-orang dari pelbagai etnik yang kita temui setiap hari dengan keprihatinan.
3. Berdoa agar kita mempunyai niat untuk meluangkan masa beberapa minit setiap hari untuk menjangkau sekurang-kurangnya seorang daripada orang ramai yang kita jumpa setiap hari dengan keprihatinan.
4. Berdoa agar kita akan mengadakan kumpulan doa yang kecil di tempat kerja, di rumah dan di sekolah kita serta melakukan doa sambil berjalan (prayer walks) di taman perumahan kita.





Hari 27 • 2 September (Selasa)

Minggu 5: Gereja Dalam Memuridkan Bangsa-Bangsa

MEMURIDKAN BANGSA-BANGSA

Matius 28:19-20 Karena itu pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus, dan ajarlah mereka melakukan segala sesuatu yang telah Kuperintahkan kepadamu. Dan ketahuilah, Aku menyertai kamu senantiasa sampai kepada akhir zaman.

Yesus Kristus telah memberikan perintah kepada Gereja-Nya untuk “jadikanlah semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus”. Malangnya Gereja di Malaysia lemah dalam mentaati Amanat Agung ini bukan sahaja membaptiskan orang bahkan untuk memuridkan orang. Gereja perlu mengajar dan memperlengkapkan anggota-anggotanya dengan kebenaran alkitabiah supaya mereka bukan sahaja kuat dalam Firman Tuhan tetapi juga menjadi terang dan garam kepada dunia. Jika tugas penting ini diabaikan, janganlah kita terkejut apabila anggota-anggota gereja dibentuk oleh pandangan duniawi dan budaya yang kompromi yang semakin berleluasa. Gereja perlu menterbalikkan kecenderungan yang berkompromi ini.

Kita perlu menjadi bangsa yang terpilih, imamat yang rajani dan bangsa yang kudus. Gereja perlu menuntut balik ketiga-tiga aspek jati dirinya ini.



Bahan Doa:

1. Mohon untuk pengampunan kerana kita mengabaikan peranan kita dalam memuridkan supaya Tubuh Kristus boleh mendapat haknya sebagai bangsa yang terpilih, imamat yang rajani dan bangsa yang kudus.
2. Berdoa agar setiap kita akan memuridkan anak-anak kita, pemuda-pemudi dan orang yang baru percaya supaya setiap mereka ditempat yang selayaknya sebagai terang dan garam kepada dunia.
3. Berdoa untuk pembentukan pemuridan yang kuat di dalam setiap gereja setempat.
4. Berdoa agar kita bersaksi kepada orang yang kita jumpa setiap hari dan memberi kesaksian tentang Dia yang nyata dalam kehidupan sehari-hari kita.





BERSAKSI MERENTASI KELOMPOK ETNO-LINGUISTIK

Kisah Para Rasul 1:8 Tetapi kamu akan menerima kuasa, kalau Roh Kudus turun ke atas kamu, dan kamu akan menjadi saksi-Ku di Yerusalem dan di seluruh Yudea dan Samaria dan sampai ke ujung bumi.

Tuhan Yesus memerintahkan kita untuk menjadi saksi-saksi-Nya “di Yerusalem dan di seluruh Yudea dan Samaria dan sampai ke ujung bumi”. Yerusalem bagi kita boleh jadi gereja setempat di mana kita berada dan Yudea pula di mana orang-orang yang berada di sekitar kita. Gereja di Malaysia adalah satu gabungan kelompok etno-linguistik yang terdiri daripada kelompok berbahasa Cina, India, Inggeris dan Bahasa Malaysia. Kaum Cina (yang berbahasa Inggeris dan yang berbahasa Cina) membentuk 27% daripada orang Kristian di Malaysia manakala kaum India membentuk 4.4%. Kumpulan orang yang berbahasa Bahasa Malaysia membentuk 64% daripada orang Kristian di Malaysia dan merupakan kumpulan yang paling kekurangan dari segi ekonomi.

Apa sahaja yang mengancam salah satu kelompok etno-linguistik tersebut akan memberi kesan kepada semua kelompok yang lain. Jika semua kelompok tersebut bersatupadu - kita berada di kedudukan yang lebih baik untuk mempertingkatkan hak kebebasan untuk menyembah Tuhan dan memelihara bahasa, budaya dan cara hidup setiap kelompok, terutamanya kelompok orang pribumi.



Bahan Doa:

1. Berdoa agar Perlembagaan Persekutuan tetap menjadi perundangan agung di Malaysia.
2. Berdoa atas setiap tafsiran yang salah terhadap Perlembagaan Persekutuan yang cuba merampas hak rakyat Malaysia, termasuk kebebasan beragama dan hak tanah mereka.
3. Berdoa untuk kesatuan di antara semua kelompok etno-linguistik dan berakar teguh di dalam kebenaran alkitabiah.
4. Berdoa untuk kesatuan di antara semua kelompok etno-linguistik dan supaya bahasa serta budaya menjadi suatu kuasa perpaduan sesama orang Kristian dan bukannya penghalang.
5. Berdoa untuk orang miskin dalam setiap kelompok etno-linguistik dan minta supaya Tuhan membuka pintu untuk kita menolong mereka tanpa mengira latar belakang etno-linguistik mereka.



MEMURIDKAN ORANG ASLI MALAYSIA

Wahyu 7:9 Kemudian dari pada itu aku melihat: sesungguhnya, suatu kumpulan besar orang banyak yang tidak dapat terhitung banyaknya, dari segala bangsa dan suku dan kaum dan bahasa, berdiri di hadapan takhta dan di hadapan Anak Domba ...

Orang Asli merupakan kumpulan minoriti pribumi bukan Melayu di Semenanjung Malaysia yang merupakan orang pertama yang menduduki Tanah Melayu. Dalam abad ke-18 dan ke-19, Orang Asli diniagakan dan digunakan sebagai hamba oleh orang-orang yang tinggal di tepi pantai. Ini memaksa Orang Asli berpindah ke kawasan bukit dan ke dalam hutan.

Orang Asli dibahagikan kepada 19 kumpulan etno-linguistik di bawah tiga kategori yang dikenali sebagai Proto-Melayu, Senoi dan Semang. Kebanyakan Orang Asli masih mengekalkan identiti suku mereka sehingga hari ini adalah kerana mereka hidup terasing. Sebahagian daripada Orang Asli adalah orang Kristian dan adanya gereja-gereja di kalangan mereka di seluruh negara.

Akta Orang Asli 1954 merupakan satu perundangan yang unik dan khas untuk Orang Asli sahaja. Tujuan utamanya adalah untuk melindungi mereka dari ajaran Komunis. Malangnya, selepas lima abad, kebijakan mereka tidak banyak diperbaiki. Gereja perlu melaburkan masa dan usaha untuk memperbaiki pembangunan sosio-ekonomik Orang Asli.



Bahan Doa:

1. Berdoa agar kerajaan akan mengakui hak Orang Asli ke atas tanah mereka.
2. Berdoa supaya di mana pun Orang Asli Kristian memilih untuk mendirikan tempat ibadah mereka, pihak berkuasa akan menghormati hak mereka untuk bebas beragama dan membina gereja.
3. Berdoa untuk generasi muda Orang Asli supaya lebih berjaya dan mencapai tahap pendidikan yang lebih tinggi serta cemerlang.
4. Berdoa supaya lebih banyak lagi pemuridan terjadi di kalangan pemuda-pemudi Orang Asli oleh gereja-gereja Orang Asli di Malaysia.
5. Berdoa supaya pemuda-pemudi Orang Asli bangkit untuk mewakili suku mereka.





MEMBANGKITKAN KEPIMPINAN KRISTIAN BUMIPUTRA DI MALAYSIA

Yosua 1:7 Hanya kuatkan dan teguhkanlah hatimu dengan sungguh-sungguh, bertindaklah hati-hati sesuai dengan seluruh hukum yang telah diperintahkan kepadamu oleh hamba-Ku Musa; janganlah menyimpang ke kanan atau ke kiri, supaya engkau beruntung, ke mana pun engkau pergi.

Kristian Bumiputera Pribumi membentuk tulang belakang (64%) komuniti Kristian di Malaysia. Kira-kira 44% daripada rakyat Sarawak dan 31.5% rakyat Sabah adalah orang Kristian. Kebanyakan Kristian Bumiputra Pribumi berasal dari pedalaman Sabah, iaitu suku Kadazandusun dan suku Murut, dan dari pedalaman Sarawak, iaitu suku Iban, suku Bidayuh dan suku Orang Ulu (Bahagian hulu Sungai).

Beberapa perkara yang terjadi kebelakangan ini yang menggugat kebebasan beragama telah membimbangkan Kristian di Sabah dan Sarawak. Pemimpin mereka telah menyatakan kebimbangan mereka bahawa Perjanjian Malaysia yang dimaktubkan dengan tujuan untuk melindungi kepentingan, hak dan kebebasan rakyat Sabah dan Sarawak semasa pembentukan persekutuan Malaysia tidak dipatuhi.

Pemimpin orang pribumi juga telah menyatakan kebimbangan mereka tentang penindasan dalam hal tanah, sebagai contohnya pengasingan secara paksa daripada tanah asal mereka. Orang Penan, Kayan dan Kenyah, khususnya, melihat tanah mereka telah dirampas secara paksa untuk pembinaan empangan.



Bahan Doa:

1. Berdoa agar semua janji-janji yang dibuat kepada rakyat Sabah dan Sarawak sebelum dan selepas pembentukan Malaysia ditepati dan dipatuhi.
2. Berdoa agar tulang belakang kekristianan di Malaysia, iaitu kumpulan yang berbahasa Bahasa Malaysia, akan bertambah kuat dan bangkit untuk mengambil hak kedudukan mereka di dalam masyarakat.
3. Berdoa untuk gelombang baru dari Roh Kudus untuk membawa kebangunan rohani dan kebangkitan baru di Sabah dan Sarawak.
4. Berdoa agar kerajaan akan melindungi hak tanah orang pribumi Sabah dan Sarawak.





Hari 31 • 6 September (Sabtu)

Minggu 5: Gereja Dalam Memuridkan Bangsa-Bangsa

MEMURIDKAN BELIA MALAYSIA

2 Timotius 2:1-2 Sebab itu, hai anakku, jadilah kuat oleh kasih karunia dalam Kristus Yesus. Apa yang telah engkau dengar dari padaku di depan banyak saksi, percayakanlah itu kepada orang-orang yang dapat dipercaya, yang juga cakap mengajar orang lain.

Setiap generasi perlu diinjili dan dimuridkan. Walau pun Gereja terus bertumbuh, dia masih cetek dan lemah. Gereja mempunyai satu keperluan yang besar untuk melahirkan pemimpin rohani yang kuat dan setia yang akan menyerahkan iman kepercayaan mereka kepada generasi yang akan datang. Terdapat juga satu keperluan yang mendesak untuk memberi tumpuan pada pembangunan kehidupan terutamanya terhadap generasi muda tentang sikap yang takut akan Tuhan dan bertanggungjawab. Tuhan Yesus memberikan tugas pemuridan kepada Gereja, dan jika kita mengabaikannya, maka kita janganlah terkejut jika orang-orang percaya terutamanya pemuda-pemudi dibentuk oleh pandangan duniaawi dan budaya yang bertolak ansur, kebendaan, kepenggunaan dan kepuasan diri dengan berleluasa. Gereja perlu dengan segera menarik pemuda-pemudi kita daripada jalan berbahaya yang memusnahkan diri mereka.

Kita perlu kembali kepada dasar pemuridan yang alkitabiah termasuk pengajaran dan pembimbingan jangka panjang untuk mendidik pemuda-pemudi kita menjadi generasi yang setia dan rohani.



Bahan Doa:

1. Berdoalah agar dibebaskan daripada penipuan, sikap puas hati, kompromi, kenampakan beragama, mementingkan diri sendiri, kemampuan diri, pemikiran yang tidak suci murni dan sikap acuh tak acuh.
2. Berdoa agar Gereja akan memperbaharui usahanya untuk memuridkan orang percaya untuk hidup takut akan Tuhan dan setia berdasarkan kepada kebenaran alkitabiah.
3. Berdoa untuk generasi pemuda-pemudi untuk meninggalkan budaya berkompromi dan akan membina diri mereka sebagai generasi murid-murid yang takut dan setia kepada Tuhan.
4. Berdoa untuk anggota-anggota gereja yang taat supaya memuridkan generasi yang seterusnya.
5. Berdoa untuk ibu bapa Kristian supaya akan memberi keutamaan kepada pembangunan rohani anak-anak mereka.





Hari 32 • 7 September (Ahad)

Minggu 5: Gereja Dalam Memuridkan Bangsa-Bangsa

MEMURIDKAN BANGSA-BANGSA HINGGA KE HUJUNG BUMI

Matius 28:19 Karena itu pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus.

Kisah Para Rasul 1:8 Kamu akan menjadi saksi-Ku di Yerusalem dan di seluruh Yudea dan Samaria dan sampai keujung bumi.

Setiap tahun lebih daripada satu bilion orang membuat perjalanan merentasi sempadan. Pekerja asing di Malaysia berjumlah 3.5 juta orang sehingga pertengahan 2011 di mana 1.5 juta adalah pendatang sah dan 2 juta adalah tanpa izin. Kira-kira 100,000 orang pelajar asing yang berasal dari 100 buah negara telah mendaftar di Malaysia. Kira-kira 8.6% daripada pekerja dan pelajar asing ini merupakan orang Kristian yang tinggal di Malaysia. Ramai di antara warga asing ini menghadapi pemerasan dan kesengsaraan. Malaysia juga merupakan rumah persinggahan bagi ramai orang pelarian.

Rakyat Malaysia melancang ke seluruh pelosok dunia. Ramai di antara mereka telah memulakan perniagaan di luar negara. Akibatnya, suatu perhubungan yang rapat dan berpanjangan terbentuk dengan bangsa-bangsa tersebut. Peluang untuk menjangkau bangsa-bangsa lain, sama ada di Malaysia atau pun di luar negara adalah banyak.



Bahan Doa:

1. Berdoa agar Gereja akan bangkit dan bersaksi kepada pekerja-pekerja asing, pelajar-pelajar asing dan orang pelarian yang tinggal di Malaysia.
2. Berdoa agar pelajar-pelajar asing, pekerja-pekerja asing dan orang pelarian yang begitu ramai di sini akan berakar teguh dalam kebenaran alkitabiah.
3. Berdoa agar bila kita pergi ke luar negara, kita akan mengambil peluang untuk memberi sokongan kepada gereja setempat di sana untuk bersaksi dan menjaga golongan yang kurang berkemampuan di negara tersebut.
4. Berdoa supaya Gereja di Malaysia akan menjangkau melalui kesaksian dan keprihatinan, kepada pelari yang terdedah kepada kesengsaraan semasa persinggahan mereka di Malaysia.



GEREJA DAN KERAJAAN TUHAN

Jika Kerajaan Tuhan bukan pilihan anda yang pertama, maka tidak kira apa sekalipun pilihan anda, pada akhirnya tidak ada apa-apa perbezaannya. – William Law

Aakhir-akhir ini perkataan “Kerajaan Tuhan” telah menjadi satu ungkapan yang lazim didengar dalam perbualan orang-orang Kristian. Untuk menggunakan ungkapan ini dengan lebih tepat, kita perlu memahami apakah ertinya yang sebenar.

Penjelasan alkitabiah tentang “Kerajaan Tuhan” adalah satu alam di mana Tuhan memerintah dan bertindak dengan daulatnya. Ia adalah satu alam di mana kepemerintahan Tuhan diakui sepenuhnya dan ditaati. Kedaulatan-Nya menguasai semuanya walau pun bukan semua orang menerima dan tunduk kepada Dia (Mazmur 103:19; Matius 6:9-10).

Keindahan Kerajaan itu adalah seperti mana yang dikatakan oleh Yesus, “ada di antara kamu” atau “di kalangan kamu” (Lukas 17:20-21). Terdapat lagi satu aspek Kerajaan yang belum datang. Apa yang dimaksudkan adalah Kerajaan Tuhan ada di kalangan orang yang menerima kepemerintahan-Nya. Ini tidak kira bilangan kumpulan itu, di mana kita berkumpul atau bahasa apa yang kita gunakan. Bila kita berkumpul sebagai umat Kerajaan Tuhan, Tuhan ada di tengah-tengah kita.

Kebanyakan aktiviti-aktiviti Kerajaan Tuhan adalah empunya Tuhan; tetapi Dia juga bekerja melalui umat-umat-Nya. Oleh itu, umat-umat-Nya mesti “carilah dahulu Kerajaan Allah dan kebenaran-Nya” (Matius 6:33).



Bahan Doa:

1. Berdoa dan renungkan Matius 6:33. Mohon kepada Tuhan apakah maksudnya carilah dahulu Kerajaan Allah dan kebenaran-Nya.
2. Minta Tuhan untuk menolong kita untuk setiap hari hidup dengan secara sedarnya memuliakan Dia sebagai Raja kita dan hidup dengan nilai-nilai Kerajaan-Nya.





SIAPAKAH KEPUNYAAN KERAJAAN TUHAN?

Kedudukan istimewa golongan miskin berdasarkan kepada Tuhan – dalam kemurahan kasih agape Tuhan bagi manusia sejagat dan bukannya dalam kemiskinan mereka. – Gutierrez

Bila memberi kewarganegaraan kepada orang asing, kerajaan sangat tegas dan bersikap memilih. Biasanya hanya orang yang mempunyai kelayakan, kebolehan tertentu atau kekayaan akan diluluskan. Hanya beberapa negara yang membuka pintu mereka kepada orang pelarian.

Sebaliknya Kerajaan Tuhan mengalu-alukan orang miskin. Kerajaan Tuhan adalah terbuka kepada semua yang percaya kepada Rajanya, di mana adanya tempat yang istimewa untuk orang yang miskin, hidup sengsara atau ditindas. “Berbahagialah, hai kamu yang miskin, karena kamulah yang empunya Kerajaan Allah” (Lukas 6:20). Kenapa ini boleh terjadi? Adakah orang miskin lebih baik atau lebih suci daripada yang lain? Tidak. Pilihan Tuhan untuk orang miskin bukanlah disebabkan mereka lebih baik secara moral atau rohani daripada orang lain tetapi ia adalah kerana mereka telah hidup dalam keadaan yang tidak berperikemanusiaan yang menentang gambaran yang Tuhan telah ciptakan untuk mereka.

Bukan seperti raja-raja dan pemimpin-pemimpin dalam kerajaan di dunia ini, Raja ini bukan sahaja mempunyai tempat untuk orang miskin malah Dia sendiri juga memilih untuk menjadi miskin (2 Korintus 8:9) – menyamakan Diri-Nya dengan mereka. Bila Gereja berusaha untuk menjangkau orang miskin sepertimana yang dilakukan Rajanya, menyamakan diri dengan yang miskin adalah langkah pertama yang penting. Satu langkah yang Gereja dapat ambil adalah melalui pembangunan komuniti di mana kunci utama prinsipnya adalah menyamakan diri dengan orang miskin dan yang dipinggirkan.



Bahan Doa:

1. Bersyukur kepada Tuhan kerana memberi kewarganegaraan kepada kamu dalam Kerajaan-Nya.
2. Berdoa untuk Gereja supaya berusaha menjangkau khususnya orang miskin dan yang memerlukan, menyamakan dirinya dengan mereka seperti mana yang dilakukan oleh Yesus.
3. Libatkan diri dalam pekerjaan untuk menolong orang-orang yang dipinggirkan.



KERAJAAN TUHAN DAN DOA

Matius 6:10 ...datanglah Kerajaan-Mu, jadilah kehendak-Mu di bumi seperti di syurga.

“Manusia boleh tidak mempedulikan rayuan kita, menolak mesej kita, menentang hujah-hujah kita, membenci kita, tetapi mereka tidak berdaya terhadap doa-doa kita.” – J. Sdilow Baxter

Ayat yang dipetik dari Matius tersebut di atas Amencatat sebahagian daripada pengajaran Yesus kepada murid-murid-Nya mengenai doa. Yesus memberi menunjukkan kepada kita beberapa kunci tema di mana kita perlu beri perhatian semasa berdoa.

Perkara pertama yang kita mesti ingat di dalam doa Gereja adalah mengenal pasti bahawa Kerajaan Tuhan adalah hak milik Allah Bapa kita yang berada di syurga. Dia menduduki takhta tertinggi dan Dia memerintah Kerajaan-Nya dengan penuh hikmat dan benar. Kita tidak perlu rasa bimbang tentang masa depan Kerajaan ini.

Perkara kedua adalah doa kita perlu berfokus pada tujuan Kerajaan Tuhan. Doa untuk Kerajaan Tuhan adalah untuk kehendak Tuhan terjadi di bumi seperti di syurga. Bila semua syarat ini dipenuhi, kehendak Tuhan yang baik dan sempurna serta berkat-Nya akan merebak ke seluruh Gereja dan negara. Umat-Nya akan menjadi alat segala berkat-Nya kepada orang. Ini adalah pengajaran yang jelas daripada Yesus. Bila Kerajaan Tuhan diberi keutamaan, Tuhan akan memenuhi keperluan umat-Nya. (Matius 6:30).



Bahan Doa:

1. Puji Tuhan bahawa Dia sentiasa mengawal Kerajaan-Nya.
2. Berdoa agar kita, Gereja-Nya, akan belajar untuk patuh kepada kehendak-Nya yang baik dan sempurna untuk Kerajaan-Nya.
3. Berdoa agar anak-anak-Nya akan meletakkan doa sebagai keutamaan dalam disiplin kerohanian mereka.





Hari 36 • 11 September (Khamis)

Minggu 6: Gereja Dan Injil Kerajaan Tuhan

ALAM KERAJAAN TUHAN

“Rajaku, bertakhtalah, kemuliaan hanya kepada Engkau.” –Jennie Evelyn Hussey (1874-1958)

Kerajaan Tuhan adalah alam di mana Raja memerintah. Injil atau Berita Baik mengenai Kerajaan Tuhan adalah berita tentang Yesus memerintah! Di mana Dia memerintah, kita boleh mengharapkan kebenaran, kesejahteraan dan sukacita (Roma 14:17).

Orang Farisi pernah bertanya kepada Yesus tentang bila Kerajaan Tuhan akan datang. Yesus menjawab bahawa ia tidak akan datang hanya dengan memperhatikan masa dan musim dengan teliti kerana Kerajaan Tuhan adalah di kalangan (atau di dalam) mereka (Lukas 17:20-21).

Jika Yesus adalah Raja dalam hidup anda, maka di situlah alam Kerajaan-Nya. Hari ini murid-murid Yesus Kristus terus mengisyiharkan berita baik tentang Kerajaan Tuhan. Tuhan masih menyelamatkan orang daripada kuasa kegelapan dan membawa mereka ke dalam Kerajaan Anak-Nya (Kolose 1:13). Adakah Yesus Raja anda?



Bahan Doa:

1. Berdoa supaya setiap orang dalam negara kita akan mencari dan menemui Kerajaan Tuhan dan Raja
2. Berdoa agar orang percaya akan mengalami kebenaran, kesejahteraan dan sukacita di dalam Roh Kudus.





Hari 37 • 12 September (Jumaat)

Minggu 6: Gereja Dan Injil Kerajaan Tuhan

MEMASUKI KERAJAAN TUHAN

“Bahawa untuk masuk ke dalam Kerajaan Allah kita harus mengalami banyak sengsara” (Kisah Para Rasul 14:22)

Orang yang enggan menyerah pemerintahan hidup diri mereka tetapi yang terus mengamalkan pemerintahan diri tidak dapat masuk ke dalam Kerajaan Tuhan. Memasuki Kerajaan Tuhan bererti meninggalkan pemerintahan diri dan tunduk kepada pemerintahan Yesus. Ini adalah apa yang dimaksudkan dengan pertaubatan. Yohanes Pembaptis mengisyiharkan, “Bertobatlah, sebab Kerajaan Sorga sudah dekat” (Matius 3:2). Orang yang akan masuk Kerajaan Tuhan mesti melepaskan penguasaan hidup mereka kepada Raja Yesus.

Yesus mengatakan orang yang mencintai tarikan dunia ini akan menghadapi kesukaran untuk memasuki Kerajaan Tuhan. (Lukas 18:24)

Seorang yang percaya yang masuk Kerajaan Tuhan perlu percaya dalam hatinya serta mengakui dengan mulutnya bahawa Yesus adalah Tuhan (Roma 10:9). Selepas itu dia perlu hidup mentaati perintah-perintah Raja Yesus.

Yesus memberi perintah supaya berita baik mengenai Kerajaan Tuhan diisyiharkan di mana-mana saja. Akan tetapi, pengisyiharan tersebut akan mengundang penganiayaan. Apabila para pengikut Yesus setia mentaati perintah ini mereka telah dianinya. Walau pun mereka telah terserak dari Yerusalem, mereka tetap mengkongsikan berita baik kerajaan Tuhan di mana saja mereka pergi (Kis 8:1-4).

Mereka belajar ketaatan melalui kesengsaraan mereka (Ibrani 5:8). Mereka memikul salib sambil mengikuti Yesus (Lukas 9:23). Mereka belajar bahawa kesengsaraan menghasilkan ketekunan (Roma 5:3).



Bahan Doa:

1. Berdoa untuk kasih karunia dan kuasa yang diberi oleh Tuhan kepada kita untuk mentaati Dia
2. Berdoa untuk visi baru yang penuh dengan sukacita agar kita sebagai para pengikut Kristus akan belajar memikul salib dengan tekun sambil menanggung penghinaannya (Ibrani 12:2).





Hari 38 • 13 September (Sabtu)

Minggu 6: Gereja Dan Injil Kerajaan Tuhan

BERITA KERAJAAN TUHAN

“Beritakanlah Injil setiap masa dan jika perlu, gunakanlah perkataan.” – Francis of Assisi

Pada permulaan pelayanan-Nya, Yesus mengisyiharkan “Berita Baik Kerajaan Tuhan” dan “Kerajaan Tuhan sudah datang” (Markus 1:14-15). Pada penghujung pelayanan-Nya di bumi, di dalam pesanan Amanat Agung-Nya, Dia memberi cabaran kepada para pengikut-Nya untuk pergi ke seluruh dunia dan menjadikan semua bangsa pengikut-Nya.

Tujuan pengisyiharan ini adalah untuk menyebarkan jemputan Tuhan kepada semua orang untuk mengambil bahagian dalam Kerajaan-Nya melalui pertaubatan dan iman dalam Dia.

Yesus sebagai pengantara di antara manusia dan Tuhan telah memberi nyawa-Nya sebagai penbusan yang sempurna bagi kita. Melalui Dia kita memiliki kehidupan kekal. Kerajaan Tuhan juga adalah untuk membawa segala sesuatu tunduk kepada Kristus dan memulakan perubahan kepada masyarakat dan bangsa.

Inilah berita Kerajaan Tuhan yang mesti diisyiharkan dengan setianya oleh kita. Sebagai umat Kerajaan Tuhan, kita mesti berdoa untuk ketekunan dan keberkesanannya dalam pengisyiharan berita ini. Kita juga mesti berdoa untuk keterbukaan hati orang-orang yang mendengar berita ini.



Bahan Doa:

1. Berdoa untuk kesetiaan dalam mengisyiharkan Injil Kerajaan Tuhan.
2. Berdoa agar sebagai umat Kerajaan Tuhan, hidup kita mesti berbicara sama kuat dengan perkataan kita.
3. Berdoa untuk keterbukaan hati orang-orang yang mendengar berita Kerajaan Tuhan.





KERAJAAN TUHAN DALAM PEPERANGAN

“Kemenangan atas Setan bukanlah tuntutan bahawa kita beranggapan kita memiliki kuasa mengatasinya; kita hanya perlu mengejar kebenaran, mengelak daripada melakukan dosa dan berpegang teguh dalam kebenaran.” (1 Timotius 1:18-19; Yakobus 4:7; 1 Petrus 5:9) – John MacArthur

Dalam Injil Matius Yesus berkata, “jika Aku mengusir roh jahat dengan kuasa Roh Allah; maka sesungguhnya Kerajaan Allah sudah datang kepadamu” (Matius 12:28). Ayat Firman ini jelas menunjukkan bahawa dengan menyambut Kerajaan Tuhan masuk, ia akan membawa peperangan dengan kerajaan kegelapan.

Mata kasar kita yang tidak dapat melihat peperangan rohani ini tidak bererti peperangan ini tidak wujud. Paulus berkata “perjuangan kita bukanlah melawan darah dan daging, tetapi melawan pemerintah-pemerintah, melawan penguasa-penguasa, melawan penghulu-penghulu dunia yang gelap ini, melawan roh-roh jahat di udara” (Efesus 6:12).

Kita juga diperintahkan untuk memakai seluruh perlengkapan senjata Allah untuk terlibat dalam peperangan ini. Marilah kita mendukung negara kita dalam doa. Isu-isu yang mempengaruhi negara kita sebenarnya adalah lebih banyak daripada yang kita lihat dengan mata kasar. Untuk memperolehi kemenangan secara fizikal dalam nama Yesus Kristus, kita perlu kemenangan rohani. Marilah kita memakai seluruh perlengkapan senjata Allah dan bersiap sedia untuk peperangan (Efesus 6).



Bahan Doa:

1. Berdoa untuk orang-orang Kristian di Malaysia menjadi umat yang setia kepada Kerajaan Tuhan supaya tabah dan berdiri teguh untuk iman mereka dalam melawan sebarang serangan.
2. Berdoa agar kita akan sentiasa mentaati Firman-Nya (Yohanes 15:7) dan bersandar kepada hikmat-Nya dalam peperangan rohani kita.
3. Berdoa untuk kita menjadi kuat, sangat berani dan taat berdasarkan kepada perintah-perintah Tuhan (Yosua 1:7).





MENJADI GARAM DAN TERANG DUNIA

Mat 5:13 Kamu adalah garam dunia. Jika garam itu menjadi tawar, dengan apakah ia diasinkan? Tidak ada lagi gunanya selain dibuang dan diinjak orang.

Sebagai pengikut-pengikut Yesus, kita mempunyai ciri-ciri dan pengaruh seperti dalam garam. Kita memberi impak kepada Negara dengan kehadiran kita. Kepercayaan, nilai-nilai dan kerinduan kita yang memancar melalui pilihan, ucapan, perbuatan dan gaya hidup kita sepatutnya mempengaruhi masyarakat kita-membasminya daripada unsur-unsur merosak atau memusnahkan dengan menjaga integriti supaya kita boleh mengimpak Negara kita.

Walau bagaimanapun, pengaruh kita berlaku melalui hubungan secara langsung dengan orang lain. Seperti garam dalam bekas menyimpan garam yang tidak memberi kesan kepada makanan, begitu juga kesucian peribadi kita yang tidak akan mengubah persekitaran sosial kita. Kita perlu keluar dari kelompok orang kudus dan mula terlibat dengan masyarakat. Hanya apabila kita berhubung dengan orang lain, barulah pengaruh kita dapat memberi kesannya ke atas mereka.

Untuk memberi impak kepada Negara, ia memerlukan pengaruh bersama dari semua orang yang percaya. Berapa banyakkah garam yang diperlukan untuk mengubah sesuatu arah aliran sosial? David Pawson mengatakan bahawa ia hanya memerlukan 5%! Jumlah orang Kristian di Negara ini adalah kira-kira 9% dan mereka berada dalam pelbagai bidang dalam masyarakat. Dalam sesetengah bidang, kehadiran kita mungkin perlu diwujudkan dengan niat. Jika setiap kita belajar bagaimana menglibatkan diri dalam masyarakat, maka kita benar-benar boleh berkata “Kerajaan Tuhan ada di sini”!



Bahan Doa:

1. Doa agar murid-murid Yesus tidak akan bertolak-ansur dan sedia berkorban dengan membayar harga untuk berbeza atau kudus, hidup berdasarkan piawaian Tuhan dan menjadi contoh integriti di manapun kita berada.
2. Doa agar Kristian akan melibatkan diri mereka dalam isu-isu sosial, berani bersuara menentang ketidakadilan tetapi dengan hikmat, rendah hati dan kasih.
3. Doa agar lebih ramai Kristian menglibatkan diri dalam sektor kerajaan dan pendidikan.
4. Doa agar semua pengikut-pengikut Yesus bersatu dan mereka yang mempunyai pengaruh di bidang yang sama akan bekerjasama untuk memberi impak kepada Negara secara berkelompok.







Dikumpul dan disediakan oleh NECF Malaysia
32, Jalan SS2/103, Petaling Jaya
47300, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel:03-77278227 Faks:03-77291139
Emel:prayer@necf.org.my
www.necf.org.my